

# Tiga tugas utama Pemuda Umno: Dr Mahathir

BH 30 MAY 2001

Oleh Zulkofli Jamaludin dan Wan Hazmir Bakar

KUALA LUMPUR, Selasa – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberi tiga tugas utama kepada ahli Pergerakan Pemuda Umno untuk mengukur iltizam perjuangan mereka terhadap parti.

Presiden Umno menjelaskan, tiga tugas itu ialah setiap ahli Pemuda perlu mencari lima ahli baru, mendaftar ahli yang cukup umur sebagai pemilih pilihan raya dan menyiapkan bilik gerakan di setiap cawangan.

Dr Mahathir berkata, beliau akan melawat bilik gerakan itu sebagai sebahagian agenda ketika melakukan lawatan ke bahagian Umno di seluruh negara.

Perdana Menteri berkata, tiga tugas itu adalah ujian praktikal untuk menentukan sama ada ahli Pemuda iltizam atau tidak kepada tugas, sebelum mengambil alih teraju kepimpinan parti dan kerajaan.

“Tugas ini tidak begitu romantik tetapi ia adalah bukti anggota Pemuda iltizam terhadap perjuangan parti,” katanya ketika menyampaikan Amanat Perdana Presiden Bersama Pemuda di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, hari ini.

Turut hadir, Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi; Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob; dan Ketua Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Tun Hussein.

Selain hampir 5,000 ahli Pemuda memenuhi Dewan Merdeka, kira-kira 1,000 memenuhi luar dewan berkenaan kerana tiada tempat duduk.

Dalam ucapan kira-kira sejam itu, Dr Mahathir turut meminta ahli Umno mengawal nafsu dengan mengelak daripada mengambil rasuah walaupun satu sen, kerana apa yang didapati

dengan usaha sendiri dalam jangka panjang adalah lebih bermakna.

“Apabila wang disalah guna, kita akan menjadi hamba wang. Hari ini kita jual undi dalam pemilihan Umno. Bila ini sudah jadi tabiat, mungkin jual undi dalam pilihan raya, akhirnya maruah kita akan tergadai.

“Sebab itu kita perlu bertindak tegas terhadap ahli yang guna wang kerana mereka membentuk budaya tidak baik yang akhirnya maruah akan dijual dengan harga murah,” katanya.

Bellau berkata, tindakan tegas Umno terhadap ahli yang terbabit amalan politik wang harus disokong semua pihak kerana mereka mengamalkan budaya negatif.

“Tindakan yang diambil mungkin dianggap keras tetapi kerosakan yang mereka lakukan amat besar kepada parti,” katanya.

Majlis Tertinggi (MT) Umno baru-baru ini mengesahkan

keputusan Lembaga Disiplin parti yang mendapati enam anggota Umno bersalah kerana terbabit dalam politik wang pada pemilihan parti April lalu. Tiga daripada mereka dilucutkan daripada jawatan ketua bahagian.

Perdana Menteri turut mengingatkan Pemuda supaya bersedia terlebih dulu sebelum mengambil alih teraju kepimpinan parti dan kerajaan.

“Saya harap Pemuda yang akan mengambil alih teraju kerajaan sentiasa memperingati diri masing-masing mengenai tanggungjawab terhadap masa depan bangsa.

“Jangan sebagai pewaris, tunggu saja apa yang akan jatuh. Kita perlu siap sedia mengurus apa yang akan diserahkan kemudian,” katanya sambil mengingatkan ahli Umno mengenai kepentingan menjaga disiplin.

**Lihat Muka 4**

# Calon kalah patut terus bersama parti: PM

## DARI MUKA 1

Dr Mahathir juga meminta ahli Pemuda Umno memahami prinsip demokrasi dalam persediaan mereka untuk menjadi pewaris parti, termasuk soal kalah menang dalam pemilihan Umno.

Beliau berkata, walaupun ada yang kecewa berikutan keputusan pemilihan peringkat bahagian baru-baru ini, mereka tidak seharusnya mengambil keputusan meninggalkan Umno, sebaliknya meneruskan perjuangan bersama parti.

Katanya, semua calon yang kalah harus merapatkan barisan dengan memberi sokongan manakala yang menang tidak harus mencantas yang kalah.

Perdana Menteri berkata, pertandingan untuk mendapat jawatan dalam parti tidak boleh dilihat sebagai pertandingan peribadi kerana ia adalah proses bagi memastikan Umno mempunyai barisan pemimpin cekap.

Mengenai tanggungjawab pemimpin menemui rakyat dan ahli di akar umbi, Dr Mahathir berkata, Umno akan memastikan mereka turun padang.

"Sekarang tidak ramai turun ke bawah. Mereka ghairah untuk jadi calon dan apabila dipilih (dalam pilihan raya) tidak turun ke bawah," katanya.

Dr Mahathir juga meminta Pemuda menunjukkan kepada dunia apa maksud Melayu tidak akan hilang.

"Melayu yang tidak hilang ialah Melayu yang mampu mempertahankan negara dan agama serta maruah bangsa Melayu.

"Setiap ahli Umno perlu memikul tanggungjawab berat ini dan kita jangan abaikan amanah ini," katanya.